

# 'Lihat rekod sendiri sebelum tuduh kerajaan tekan rakyat'

## Ahli Parlimen Pasir Gudang ingatkan Muhyiddin episod 2021

Oleh Suraya Ali  
suraya.ali@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin diminta melihat rekod lampau sendiri sebelum menuduh dan mendakwa Kerajaan MADANI menekan kebebasan rakyat dan tidak demokratik.

Gesaan oleh Ahli Parlimen PKR Pasir Gudang, Hassan Karim itu susulan kritikan dibuat Ahli Parlimen Pagoh yang juga Presiden BERSATU itu dalam ucapannya pada Konvensyen Wakil Rakyat PN di ibu negara kelmarin.

Dalam hantaran di laman sosial, Hassan memulakan catatan dengan bertanya benarkah Kerajaan PN pimpinan Muhyiddin

sebelum ini lebih bebas dan demokratik berbanding Kerajaan MADANI pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa menekan kebebasan demokrasi.

"Saya tidak berhasrat untuk mempertahankan rekod Kerajaan MADANI dalam soal kebebasan demokrasi. Pun begitu, izinkan saya untuk menyatakan satu fakta mengenai apa yang sesungguhnya berlaku ketika pemerintahan Kerajaan PN pimpinan Muhyiddin," tulisnya.

Beliau kemudian berkongsi pengalaman dihalang masuk bangunan Parlimen atas alasan pengisytiharan darurat oleh Muhyiddin, kira-kira tiga tahun lalu.

"Pada satu hari selepas Subuh, saya berlepas dari Johor untuk menghadiri sidang Dewan Rakyat di Kuala Lumpur. Sesampainya saya di bulatan Jalan Parlimen, pasukan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) yang lengkap dengan senapang dan perisai menghalang saya masuk," tulisnya.

Hassan menambah, beliau kemudian mendapati semua Ahli Parlimen turut disekat, termasuk Anwar yang ketika itu

Ahli Parlimen Port Dickson dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mewakili Parlimen Langkawi semasa insiden berkenaan.

"Kami diberitahu bahawa Parlimen telah digantung dan Perdana Menteri kelapan, Muhyiddin Yassin sudah mengisytiharkan darurat di seluruh negara.

"Saya selaku Ahli Parlimen Pasir Gudang yang dipilih oleh ra-

"Saya selaku Ahli Parlimen Pasir Gudang yang telah dipilih oleh rakyat, tindakan Muhyiddin ketika itu tidak demokratik dan menekan kebebasan Parlimen"



Hassan Karim,  
Ahli Parlimen  
Pasir Gudang

kyat, tindakan Muhyiddin ketika itu adalah tidak demokratik dan menekan kebebasan Parlimen," tambahnya.

Justeru, katanya, beliau membantah tindakan kerajaan PN ketika itu dan memfailkan tindakan semakan kehakiman terhadap keputusan kerajaan mengisytiharkan darurat serta menggantung Parlimen.

"Maka saya sudah mencabar tindakan Presiden BERSATU itu dan kerajaannya. Saya telah memfailkan tindakan semakan kehakiman (judicial review) ke atas keputusan Kerajaan PN mengisytiharkan darurat dan menggantung Parlimen.

"Saya memohon supaya Mahkamah Tinggi Johor Bahru mengisytiharkan bahawa proklamasi darurat itu tidak sah. Permohonan saya itu telah ditolak oleh mahkamah. Saya yang dilatih sebagai seorang peguam tidak mudah menyerah kalah.

"Saya ingin membuktikan bahawa tindakan Muhyiddin yang antidemokrasi itu adalah salah," catatnya lagi sambil menjelaskan beliau kemudian memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan, na-

mun kalah sebelum meneruskan rayuan di Mahkamah Persekutuan dan masih belum selesai.

"Jadi, apabila dalam Konvensyen Wakil-Wakil Rakyat PN, Muhyiddin menuduh Kerajaan MADANI pimpinan Anwar sebagai menekan kebebasan dan tidak demokratik, maka saya fikir ada moleknya Pengerusi PN itu melihat rekod lampauya sendiri," tulisnya.

Muhyiddin pada 12 Januari 2021 mengumumkan Jemaah Menteri ketika itu mempersembahkan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong agar baginda mengeluarkan Proklamasi Darurat bagi seluruh negara, berkuat kuasa 11 Januari hingga 1 Ogos 2021.

Proklamasi berkenaan dikeluarkan mengikut Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan berikutan dunia pada masa itu sedang berdepan ancaman pandemik COVID-19 yang secara langsung menjadi ancaman besar terhadap kehidupan dan ekonomi rakyat.

Dalam tempoh darurat, Parlimen dan DUN tidak akan bersidang sehingga suatu masa yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.